



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

31 Julai 2017

## **Kenyataan Media Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1**

- 1) PAC hari ini mendengar taklimat daripada Tan Sri Dr. Madinah Binti Mohamad Ketua Audit Negara berhubung Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2016 Siri 1 dan Penyata Kewangan Kerajaan Tahun 2016 di Dewan Rakyat pagi ini.
  
- 2) Berdasarkan LKAN 2016/1, bagi pengesahan Penyata Kewangan Tahun 2016, sejumlah 46 Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan menerima Sijil Tanpa Teguran.
  
- 3) Bagi Penyata Kewangan Tahun 2016, semua 145 Penyata Kewangan telah diterima. Setakat 28 Julai 2017, sebanyak 46 Penyata Kewangan telah disijilkan dan 99 sedang diaudit dan dijangka kesemua Penyata Kewangan akan diberi sijil sebelum 31 Ogos 2017.
  
- 4) Pada tahun 2016, hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM212,421.10 juta berbanding RM219,088.76 juta pada tahun 2015.

- 5) Selain itu, perbelanjaan mengurus dan pembangunan pula masing-masing berjumlah RM210,172.66 juta dan RM41,995.04 juta berbanding tahun 2015 RM216,997.53 juta dan RM40,767.71 juta.
- 6) Jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2016 adalah RM1,229,382 juta berbanding RM1,156,881 juta bagi tahun 2015. Manakala Nisbah Defisit Kerajaan kepada KDNK bagi tahun 2016 adalah 3.12% berbanding 3.22% bagi tahun 2015.
- 7) PAC juga dimaklumkan oleh Ketua Audit Negara bahawa Nisbah Hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK pada tahun 2016 berada pada paras 52.75% berbanding 54.50% pada tahun 2015.
- 8) Bagi Prestasi Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) pada tahun 2016, sebanyak 61 agensi Kementerian Persekutuan termasuk Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan telah mendapat penarafan 5 bintang (cemerlang).
- 9) Manakala penarafan 4 bintang (baik) bagi agensi Kementerian Persekutuan termasuk Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan adalah 29.
- 10) Bagi Pengauditan Prestasi, PAC dimaklumkan bahawa sebanyak 84 pengauditan telah dilaksanakan terhadap 25 agensi dibawah kerajaan Persekutuan, 5 Badan Berkanun Persekutuan dan 54 Kerajaan Negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam.

- 11) Selain itu, bagi pengauditan Pengurusan Syarikat pula sebanyak 21 pengauditan telah dilaksanakan terhadap 2 agensi dibawah kerajaan Persekutuan, 5 Badan Berkanun Persekutuan dan 14 Kerajaan Negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam.
- 12) Secara keseluruhannya sebanyak 30 agensi dibawah kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan serta 54 Kerajaan Negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam telah diaudit untuk LKAN 2016/1.
- 13) Pelaksanaan 30 pengauditan Prestasi dan Pengurusan Syarikat bagi agensi dibawah kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan telah melibatkan 7 kategori pengauditan iaitu Program (8); Pembinaan (8); Penyenggaraan (1); Pengurusan hasil (1); Perolehan (3); Sistem ICT (2) dan Syarikat (7).

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
Parlimen Malaysia